

NO. SOALAN : 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
(TEMERLOH)**

TARIKH : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

SOALAN

**YB HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:**

- a) Jumlah kematian dan kes dera kanak-kanak di TASKA pada tahun 2020 sehingga 2024; dan
- b) Tindakan Kementerian bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012; sentiasa mengambil insiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).
2. Merujuk kepada rekod daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kes penderaan kanak-kanak melibatkan kematian ialah sebanyak 44 kes pada tahun 2020, 24 kes tahun 2021, 84 kes tahun 2022, 98 kes tahun 2023 dan 114 kes tahun 2024.
3. Bagi kes penderaan kanak-kanak di TASKA berdasarkan rekod PDRM mencatatkan sebanyak 150 kes pada tahun 2020, 121 kes tahun 2021, 102 kes tahun 2022, 175 kes tahun 2023 dan 307 kes tahun 2024.
4. Manakala berdasarkan rekod tindakan penguatkuasaan JKM, **sebanyak lapan (8) kes kematian kanak-kanak berlaku di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dari tahun 2020 hingga 2024**, di mana terdapat satu (1) kes pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 serta empat (4) kes pada tahun 2024.
5. Selain itu, bagi statistik **kes penderaan kanak-kanak di TASKA adalah sebanyak 34 kes penderaan yang telah direkodkan dari tahun 2020 hingga 2024**, di mana terdapat dua (2) kes pada tahun 2020, tujuh (7) kes pada tahun 2021, lima (5) kes pada tahun 2022, 14 kes pada tahun 2023 dan enam (6) kes pada tahun 2024.
6. KPWKM dan JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin.

Antaranya termasuklah:

- (i) Mengeluarkan **Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak Di Taman Asuhan Kanak-Kanak Berdaftar** yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.

Garis Panduan ini memberi lebih penekanan terhadap aspek keselamatan kanak-kanak di TASKA seperti **memperincikan keperluan pemasangan CCTV di TASKA**. Selain itu, garis panduan ini mewajibkan TASKA mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang telah menghadiri **kursus pertolongan cemas dan CPR (*cardiopulmonary resuscitation*)**;

- (ii) Mengarahkan Pegawai Diberi Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke TASKA bagi memastikan semua standard minimum yang ditetapkan oleh Akta dan Peraturan dipatuhi;
- (iii) Mengaktifkan peranan komuniti seperti Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dalam membantu JKM melaksanakan pelbagai program pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat masyarakat setempat serta menjadi agen “mata dan telinga” JKM untuk melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- (iv) Pada 2024, sebanyak 337 buah sekolah terpilih di seluruh negara telah terlibat dalam Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak melibatkan 128,148 peserta. Di antara pengisian program ini ialah sesi ceramah interaktif mengenai hak kanak-kanak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), keselamatan kanak-kanak oleh PDRM, ceramah interaktif buli siber oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan ceramah interaktif antigangguan seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW); dan

(v) Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 atau *whatsapp* Talian Kasih 019-2615999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa.

7. Pada 10 April 2023, JKM telah menguatkuasakan **Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak Dan Perintah Penutupan Ke Atas Taman Asuhan Kanak-Kanak Serta Pusat Jagaan Yang Dalam Siasatan Polis**. Garis Panduan Khas ini adalah untuk memastikan tindakan segera dan tegas terutamanya bagi kes penderaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni di premis tersebut.

8. Ini merupakan usaha bagi memastikan tindakan yang diambil lebih efektif dan proaktif dalam melindungi kumpulan sasar Kementerian terutamanya kanak-kanak. Tindakan Penguatkuasaan yang telah diambil di bawah Garis Panduan ini **sehingga Disember 2024** adalah berjumlah **33 tindakan penguatkuasaan**. Ia terdiri dari **20 tindakan Lak dan 13 tindakan Perintah Penutupan Sementara**. Daripada jumlah tersebut lima (5) adalah berkaitan kes kematian dan 28 kes adalah berkaitan aduan penderaan.

9. KPWKM memerlukan semua pihak memainkan peranan dalam sama-sama memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin. Oleh itu, saya berharap masyarakat akan lebih prihatin dan cakna dengan apa yang berlaku di kalangan sekeliling di komuniti kita. Bersama-sama kita berganding bahu agar kita dapat membendung sebarang kes pengabaian, penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI
(KUALA KEDAH)**

TARIKH : 17 FEBRUARI (ISNIN)

SOALAN

**YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan :**

- a) pelaksanaan bentuk program sokongan bagi merangsang status ekonomi kaum wanita dan keluarga yang kehilangan ketua rumah tangga; dan
- b) statistik kumpulan berkenaan yang terdapat dalam Parlimen Kuala Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Walaupun pembangunan status ekonomi dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi pusat yang lain, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa giat melaksana serta menyusun atur pelbagai program pemerkasaan wanita di semua peringkat kumpulan sasar seluruh negara dalam usaha membantu dan memastikan kebijakan mereka sentiasa terjamin.
2. Pelbagai inisiatif berbentuk program latihan, program Penjanaan Pendapatan, program Literasi Kewangan, Program Pembangunan Kapasiti dan Latihan Keusahawanan, Program Pembangunan Kemahiran, advokasi serta lain-lain program sokongan telah dilaksanakan oleh KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bagi membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal.
3. Program-program tersebut dilaksanakan dalam kumpulan yang kecil dan berbentuk kursus / bengkel seperti kursus-kursus kemahiran, pengurusan kewangan, kursus-kursus digital yang bersesuaian dengan kehendak kumpulan sasar setempat.

Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA)

4. Bagi memperkuatkkan ekonomi kaum wanita khususnya ibu tunggal dan suri rumah yang kehilangan ketua rumah tangga, JPW telah melaksanakan program berasaskan konsep *Circular Economy*, iaitu **Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA)** dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).
5. Program OMEGA merupakan sebahagian daripada program kemahiran dengan matlamat menjana pendapatan peserta melalui penghasilan produk yang mempunyai nilai komersial dari sumber bahan-bahan terbuang atau terpakai. Peserta bagi program OMEGA di Kedah meliputi pelbagai kawasan termasuk Alor Setar, Sungai Petani, Padang

Serai, Pendang, Lunas, Baling, Sikh, Jitra, Yan, Kampung Alor Jawi dan Simpang Empat.

Laman Wanita (LaWa)

6. Selain itu, JPW turut menyediakan pusat aktiviti yang dikenali sebagai **Laman Wanita (LaWa)** untuk meningkatkan kemahiran kaum wanita menerusi latihan seperti jahitan, anyaman, kraftangan dan masakan yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). LaWa juga berperanan sebagai satu pusat informatif serta hebahan berhubung isu-isu berkaitan wanita disamping menganjurkan program advokasi, kepimpinan dan pembangunan kapasiti serta kesejahteraan wanita. LaWa di negeri Kedah terletak di Alor Setar dan Merbok.

7. Sehingga Disember 2024, JPW telah melaksanakan sebanyak **734 program bagi membantu wanita dalam aktiviti ekonomi** di seluruh negara. Seramai **17,290 wanita** telah menerima manfaat melalui pelbagai program, kursus dan latihan, serta bimbingan mengenai pengurusan kewangan dalam bidang keusahawanan. Bagi negeri Kedah, sebanyak **49 program yang melibatkan seramai 1,043 orang wanita termasuk ibu tunggal** telah dilaksanakan.

Sokongan dalam bentuk Bantuan Kewangan

8. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menyediakan bantuan kewangan kebajikan meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan kewangan kebajikan yang boleh dimohon oleh mereka yang layak ini ialah Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Elaun Pekerja OKU, Bantuan Warga Emas dan Bantuan Am Persekutuan. Berdasarkan statistik JKM, sejumlah RM32.85 juta telah disalurkan kepada 6,792 penerima bantuan bulanan di Daerah Kota Setar termasuk Parlimen Kuala Kedah.

Selain itu, Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah memperkenalkan Program Wanita Dinamik sebagai penambahbaikan kepada program Wanita Bangkit@KPWKM – MyKasih Kapital. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu golongan sasar khususnya wanita melalui bantuan insentif perniagaan secara kecil-kecilan untuk menjana pendapatan ekonomi keluarga serta sokongan dan peluang perniagaan atau keusahawanan.

9. Inisiatif ini juga turut menggabungkan elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan dalam usaha Kementerian memperkasa golongan wanita secara holistik. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2021 sehingga 2024, sejumlah 20,774 wanita di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini termasuk di negeri Kedah yang melibatkan seramai 871 orang penerima manfaat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB IR. TS. ZAHIR BIN HASSAN
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

SOALAN

**YB IR. TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan :**

- (a) Perancangan dan strategi Kementerian memastikan kesediaan negara menghadapi peningkatan sebanyak 15.7% warga emas pada tahun 2030; dan
- (b) Kesediaan untuk menyedia dan menggubalkan 'Filial Piety Act' bagi mengatasi isu warga emas terabai yang rata-ratanya masih mempunyai keluarga termasuk anak-anak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua apabila menghadapi peningkatan sebanyak 15.3% warga emas pada tahun 2030 (PBB, 2009). Untuk makluman, **Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)** merupakan komitmen Kerajaan yang kukuh untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong.
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan **Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara** yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. **Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara** pula dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPWKM merangkumi pelbagai dimensi termasuk aspek kesihatan, sosial dan rekreasi, pendidikan dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, ekonomi, pekerjaan serta penyelidikan dan pembangunan.
3. KPWKM juga sedang membangunkan **Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia**. Pelbagai usaha akan dilaksanakan terutamanya dalam melahirkan penjaga berkemahiran berikut dengan permintaan yang tinggi terhadap penjaga khususnya bagi warga emas. Konsep Penjagaan Jangka Panjang/ *Long Term Care (LTC)* turut diambil kira dalam penyediaan **Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan** yang sedang dimuktamadkan oleh Kementerian Ekonomi.
4. KPWKM sentiasa prihatin berhubung kesejahteraan dan kebajikan warga emas. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai inisiatif sokongan sosial bagi memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini terus terjamin. Antaranya ialah:

- a) Bantuan Warga Emas (BWE);
- b) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE);
- c) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE);
- d) Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*); dan
- e) Institusi Warga Emas, iaitu Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan.

5. Selain itu, JKM juga melaksanakan **Program Kejurulatihan Senaman Warga Emas (SenaMas)** yang merupakan program kerjasama **rentas agensi** bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Belia dan Sukan serta Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia.

6. Sementara itu, tugas dalam memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini bukanlah terletak di bahu KPWKM semata-mata, tetapi usaha ini dilakukan kerajaan menerusi pendekatan menyeluruh atau *whole of government approach* sepertimana yang dirancang melalui PTWEN. Antara inisiatif kerajaan dalam memastikan kesejahteraan warga emas termasuklah :

- a) **Kertas Putih Kesihatan** oleh **KKM** bertujuan untuk mereformasi sistem kesihatan negara bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat termasuk warga emas;
- b) **Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas** di bawah **Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)** sebagai panduan perancangan fizikal dalam merancang, membangun dan mereka bentuk penempatan warga emas; dan
- c) **Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265)** oleh **Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)** yang melarang diskriminasi dalam pekerjaan serta sistem aturan kerja fleksibel kepada warga emas bersesuaian dengan pasca Covid-19 dan penambahbaikan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Tidak dinafikan bahawa warga emas merupakan antara golongan yang perlu dilindungi demi kesejahteraan mereka selaras dengan peningkatan jumlah warga emas menjelang tahun 2030.
8. Pada masa kini terdapat undang-undang sivil sedia ada yang mengandungi aspek perlindungan warga emas di Malaysia, iaitu Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521), dan Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183). Dua lagi perundangan Islam yang melindungi warga emas, iaitu Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri.
9. Di samping itu, KPWKM telah selesai menjalankan satu Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian sedang meneliti kesesuaian untuk mewujudkan perundangan khusus bagi menjamin kebijakan dan perlindungan warga emas termasuk bukan Islam agar kesejahteraan mereka terjamin. *Special Project Team* (SPT) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan meneliti cadangan penggubalan suatu akta khusus tersebut. SPT ini dianggotai oleh wakil Kementerian dan Jabatan terlibat, NGO, ahli akademik serta turut dijemput wakil daripada SUHAKAM dan Majlis Peguam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING
(BEAUFORT)**

TARIKH : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan usaha dan gerak kerja yang diambil oleh
Kementerian dalam memastikan pesakit gangguan spektrum autisme
(ASD) atau autism mendapat hak kebajikan dan tempat dalam
masyarakat.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil beberapa usaha dan langkah proaktif untuk memastikan individu dengan Gangguan Spektrum Autisme (ASD) mendapat hak kebajikan dan tempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Usaha-usaha ini melibatkan pelbagai dimensi, termasuk sokongan sosial, pendidikan, dan peluang pekerjaan.
2. Gerak kerja utama yang telah diambil oleh KPWKM adalah berdasarkan kepada prinsip pemboleh daya (*enabler*) iaitu untuk membantu menyediakan platform yang bersesuaian dengan keperluan bagi meninggikan tahap kefungsian seseorang individu. Langkah ini penting bagi membolehkan tindakan pelaksanaan intervensi awal dan rujukan untuk mendapatkan rawatan, mengenalpasti khidmat sokongan perlu dan akses kepada perkhidmatan khusus dapat dijalankan dan capaian kepada perkhidmatan dipermudahkan.
3. Inisiatif untuk membantu individu yang tergolong di dalam kategori Gangguan Spektrum Autisme (ASD) yang telah dilaksanakan oleh KPWKM boleh dikelaskan kepada perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secara khusus dan perkhidmatan yang bersifat rentas agensi/kementerian berdasarkan bidang fungsi, perkhidmatan dan kepakaran.
4. Oleh itu, bagi memastikan masyarakat sama-sama cakna berkaitan ASD, KPWKM turut melaksanakan **pemerkaasan kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat**. KPWKM telah menjalankan **kempen kesedaran** bagi mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap individu dengan ASD. Kempen ini bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang autisme, agar mereka lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh individu dengan ASD dan memberi sokongan sosial yang lebih inklusif. Pada tahun 2024, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan Seminar Pemerkaaan Autisme dan Dysleksia Peringkat Kebangsaan

bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat mengenai cabaran dan sokongan sosial kepada keluarga autisme dan dysleksia.

5. Selain perkhidmatan yang menjurus kepada individu ASD, KPWKM juga menawarkan khidmat bagi sokongan kepada penjaga dan keluarga melalui **pengembangan program sokongan sosial dan psikologi**. KPWKM menyediakan **perkhidmatan kaunseling dan psikologi** bertujuan untuk membantu individu dengan ASD dan keluarga mereka menguruskan cabaran dalam kehidupan sehari-hari, serta memberi sokongan emosi yang diperlukan. Program sokongan ini juga termasuk sesi terapi sosial dan komunikasi untuk meningkatkan kemahiran sosial individu ASD.

6. Seterusnya bagi memastikan kelangsungan hidup dan peningkatan kefungsian sosial, perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan melalui JKM adalah meliputi **penyediaan kebajikan dan sokongan kewangan** dan **program pembangunan pendidikan dan latihan kemahiran**. Bagi pelaksanaan program **penggalakan inklusif pendidikan**, KPWKM melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, telah memperkenalkan kelas-kelas pendidikan khas dan program-program yang memberi sokongan kepada pelajar dengan ASD dalam sistem pendidikan. **Kerjasama dengan NGO dan Pihak Berkepentingan** juga dilaksanakan melalui kerjasama rapat dengan NGO yang berfokus pada autisme dan keperluan khas lain untuk menyediakan sokongan yang lebih luas seperti NASOM, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan lain-lain NGO.

7. KPWKM turut berperanan dalam memperkenalkan dan menyokong dasar kebajikan dan perundangan yang melindungi hak-hak individu dengan ASD. Akta Orang Kurang Upaya 2008, Dasar dan Pelan Tindakan OKU telah diwujudkan bagi memberi tumpuan kepada hak pendidikan, pekerjaan, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan, serta memastikan hak-hak individu dengan ASD dihormati dan dilindungi di bawah undang-undang negara. Melalui Akta OKU 2008, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), [Akta 685]. Antara fungsi dan peranan Majlis adalah untuk:

- i. menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU; dan
 - ii. untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan OKU seperti sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU
8. Melalui langkah-langkah ini, KPWKM berusaha untuk memastikan bahawa individu dengan Gangguan Spektrum Autisme (ASD) diberikan hak yang sewajarnya dalam masyarakat, serta sokongan yang diperlukan untuk berkembang dan menyumbang kepada masyarakat secara lebih inklusif. Usaha-usaha ini juga bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih memahami dan menerima mereka dalam pelbagai aspek kehidupan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK
(JELI)**

TARIKH : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pecahan mengikut jantina, umur, kaum dan warganegara bagi orang papa yang terdapat di Malaysia untuk tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan bidang kuasa ke atas orang papa berlandaskan kepada peruntukan undang-undang-undang di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183].
2. Subseksyen 3(1) Akta Orang-Orang Papa 1977 menyebut kuasa Pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh mengambil orang papa ke dalam jagaannya dalam tempoh 24 jam sebelum membawa orang papa tersebut ke mahkamah majistret.
3. Kuasa tersebut dijalankan melalui tiga (3) jenis tindakan mengambil orang papa iaitu:
 - i. Tindakan mengambil orang papa secara *ad hoc* (berdasarkan aduan);
 - ii. Tindakan mengambil secara berjadual/berkala; dan
 - iii. Tindakan mengambil orang papa secara bersama (bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain).
4. JKM merekodkan bilangan orang papa di seluruh negara berdasarkan bilangan orang papa yang diambil melalui ketiga-tiga tindakan mengambil orang papa yang telah dijalankan di peringkat negeri dan daerah.
5. Daripada Januari sehingga November 2024, sebanyak 1,092 tindakan mengambil orang papa telah dijalankan di seluruh negara dan melibatkan 1,850 orang papa yang telah diambil yang terdiri daripada 1,292 orang papa lelaki dan 558 orang papa perempuan.
6. Seramai 114 orang papa yang diambil oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat merupakan kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun) dan

486 orang warga emas (berumur 60 tahun dan ke atas. Seramai 1,181 lagi orang papa tersebut berusia di antara 18 hingga 59 tahun dan selebihnya iaitu 69 orang lagi tidak memberikan maklumat umur mereka.

7. Berdasarkan rekod bilangan orang papa yang diambil oleh JKM bagi tempoh Januari hingga November 2024, orang papa tersebut adalah terdiri daripada etnik Melayu (625), Cina (287), India (292), peribumi Semenanjung (3), peribumi Sabah (36), peribumi Sarawak (65) dan lain-lain etnik (52). Terdapat juga orang papa bukan warganegara (453) dan orang papa yang tiada maklumat etnik dan kewarganegaraan (37). Daripada jumlah keseluruhan orang papa tersebut seramai 1,360 orang papa yang diambil merupakan warganegara, 453 orang bukan warganegara dan selebihnya iaitu 37 orang lagi tiada maklumat kewarganegaraan.

8. KPWKM juga telah selesai menjalankan Kajian Semakan Semula Akta Orang-Orang Papa 1977 pada Jun 2024. Kajian ini dilaksanakan bagi membantu KPWKM menyemak peruntukan sedia ada dan kesesuaian semasa bagi menangani isu pengemisan dan orang papa ini agar lebih teratur dan berkesan. Di samping itu juga kajian ini turut mengenalpasti sama ada terdapat keperluan pendekatan perundangan yang komprehensif dilaksanakan bagi menangani isu orang papa di Malaysia pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.